



Lembaran Pendedahan Produk

Polisi Insurans MosBite

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans MosBite. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah dia produk ini?

Polisi ini membayar manfaat sekaligus yang dinyatakan apabila anda didiagnosis Demam Denggi dan/atau Zika.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

- Terdapat 3 pelan yang memberikan manfaat sekaligus sebanyak RM2,000, RM2,500 atau RM3,000 apabila didiagnosis Demam Denggi. 50% daripada jumlah manfaat akan dibayar apabila didiagnosis Zika.
- Kejadian yang dilindungi terhadap Demam Denggi dan Zika.

Nota: Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk butir-butir perlindungan. Tempoh perlindungan hanya selama satu tahun sahaja.

3. Berapakah kadar premium yang perlu dibayar?

Premium Tahunan	Pelan 2000	Pelan 2500	Pelan 3000
	RM37.74	RM45.28	RM53.77

Premium tertakluk kepada Duti Setem RM10, dan Cukai Perkhidmatan 8% untuk polisi Korporat.

Kadar premium adalah tidak dijamin dan boleh diselaraskan atas asas portfolio menyebabkan pelarasan premium kepada setiap ahli yang diinsuranskan. Premium boleh diselaraskan dengan mengambil kira peningkatan daripada kos tuntutan dan faktor-faktor lain yang boleh memberi kesan secara material kemampuan portfolio. Syarikat akan memberitahu orang yang diinsuranskan secara bertulis sekurang-kurangnya 30 hari sebelum ulang tahun polisi bagi apa-apa penukaran premium.

4. Apakah bayaran-bayaran dan caj-caj yang yang perlu saya?

- Cukai Perkhidmatan : Dikecualikan untuk Polisi Individu
8% untuk Polisi Korporat
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 10% jumlah premium untuk Polisi Korporat
15% jumlah premium untuk Polisi Individu

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- Had Umur: 15 hari dan ke atas.
- Kepentingan Pendedahan:
Menurut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, kegagalan untuk mengisytiharkan maklumat dengan benar dan tepat boleh menjejaskan penerimaan risiko yang membawa kepada perlindungan ini menjadi batal dan tuntutan dinafikan. Jika anda menyedari apa-apa maklumat yang tidak tepat atau ingin memberikan maklumat tambahan, sila beritahu kami dengan segera untuk semakan dan pertimbangan kami.
- Had wilayah - Kejadian yang dilindungi mestilah didiagnosis di Malaysia oleh seorang Pakar Perubatan.
- Polisi Berganda - Jika terdapat lebih daripada satu polisi yang dikuatkuasakan serentak oleh anda, kami akan membayar anda manfaat di bawah polisi yang mempunyai manfaat paling tinggi. Kami akan menamatkan polisi-polisi lain dan pengembalian premium adalah dibenarkan.
- Pakar Perubatan bermaksud pengamal perubatan yang berkelayakan dan berlesen :
 - untuk mengamalkan perubatan barat dan dalam memberikan rawatan sedemikian, adalah beramal dalam skop perlesenan dan latihannya di Malaysia; dan
 - berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia untuk mengamalkan perubatan,
 - tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau doktor bedah yang merupakan pihak yang membuat tuntutan.
- Kelayakan untuk manfaat hanya akan bermula tujuh (7) hari selepas berkuatkuasanya tarikh polisi.
- Setiap kejadian denggi perlu diasingkan sekurang-kurangnya 90 hari dari tarikh pengesahan ujian Denggi Serologi.

Tunai Sebelum Perlindungan

- Adalah menjadi syarat mustahak dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang patut dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh kami sebelum perlindungan bermula. Jika syarat ini tidak dipatuhi maka Polisi insurans akan menjadi batal dan tidak sah secara automatik.

Tempoh Bertenang

- Jika anda tidak sepenuhnya berpuas hati dengan Polisi ini, anda boleh mengembalikan Polisi ini kepada kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh penyerahan Polisi untuk pembatalan. Premium yang dibayar akan dikembalikan kepada anda tolak apa-apa perbelanjaan pemeriksaan perubatan yang ditanggung, jika berkenaan.

Kelayakan / Tempoh Menunggu

- Syarikat Insurans tidak akan membayar tuntutan jika orang yang diinsuranskan telah didiagnosis demam Denggi dan Zika dalam masa 7 hari dari tarikh permulaan polisi.

Tempoh Perlindungan dan Pembaharuan

- Polisi ini akan berkuatkuasa seperti yang dinyatakan di dalam Polisi; polisi ini boleh diperbaharui dengan kadar premium yang berkuatkuasa pada masa itu seperti yang dimaklumkan; dan polisi ini boleh diperbaharui atas pilihan penanggung insurans. Permohonan untuk mengubah manfaat hanya boleh dibuat semasa pembaharuan dan tertakluk kepada Penerimaan semasa pembaharuan.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Apa-apa kecederaan kemalangan atau sakit/penyakit selain daripada Demam Denggi dan Zika.
- Demam Denggi dan Zika yang tidak didiagnosis oleh Pakar Perubatan yang berdaftar dengan Persatuan Perubatan Malaysia.
- Anda telah didiagnosis Demam Denggi dan Zika dalam masa 7 hari dari tarikh polisi ini bermula.
- Telah didiagnosis dengan lebih daripada satu kejadian Denggi dalam masa 90 hari.
- Didiagnosis dengan lebih daripada satu kejadian Zika dalam satu tahun polisi.

7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda berhak menerima pengembalian premium berdasarkan kepada kadar tempoh singkat kami untuk tempoh polisi tersebut yang telah berkuatkuasa. Pengembalian premium tidak dibenarkan jika terdapat tuntutan yang telah dikemukakan di bawah polisi ini.

Tempoh tidak melebihi	Bayaran balik premium tahunan
15 hari (untuk pembaharuan sahaja)	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Anda hendaklah memaklumkan kami tentang apa-apa perubahan dalam butir-butir hubungan/peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda dalam cara mengikut masa. Anda boleh mengemaskini maklumat butiran peribadi anda melalui ejen kami yang bertauliah, pejabat cawangan atau unit khidmat pelanggan kami.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Insurans Perubatan kami yang lain, sila rujuk kepada buku kecil maklumat insurans berkenaan 'Insuran Perubatan & Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan sesalinan daripada perantara insurans anda atau lawati laman web kami di www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan tentang Insurans MosBite kami atau lain-lain jenis produk insurans Perubatan kami, anda boleh menghubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau perantara insurans anda atau lawati laman web kami di www.tokiomarine.com.

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

NOTA PENTING

- Anda seharusnya berpuas hati bahawa polisi ini adalah yang terbaik untuk keperluan anda dan premium yang dikenakan adalah mampu dibayar. Anda hendaklah baca dan faham tentang polisi insurans tersebut dan menghubungi terus syarikat insurans untuk keterangan lebih lanjut.
- Keterangan yang terdapat di dalam helaian penerangan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang tepat yang diperlukan terkandung di dalam kontrak polisi. Sekiranya terdapat percanggahan, versi bahasa Inggeris akan digunapakai.

Segala maklumat yang dinyatakan di dalam helaian penerangan adalah berkuatkuasa pada 01/03/2024.

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.